

18 SEP 1997

DR MAHATHIR HARAP RAKYAT PAKAI TOPENG KETIKA JEREBU (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat khususnya yang menghadapi masalah kesihatan patut memakai topeng dalam keadaan berjerebu.

Perdana Menteri memberikan nasihat itu ketika berucap melancarkan Kempen Keselamatan Penunggang Motosikal di Dataran Merdeka petang ini.

Beliau memakai topeng sebaik turun dari kereta, membukanya ketika hendak menyampaikan ucapan, tetapi sebaik sahaja selesai berucap, mengenakan semula topeng itu.

"Pertama sekali saya ingin menjelaskan kenapa saya pakai topeng hari ini ... sebabnya ialah kerana jerebu," katanya.

Yang turut memakai topeng ialah segelintir hadirin di Dataran Merdeka termasuk beberapa penunggang motosikal dan jurugambar.

"Untuk kesihatan kita, kita semua patut memakai topeng ini. Saya harap seberapa ramai daripada rakyat dapat memakai topeng untuk menjaga kesihatan," katanya. --BERNAMA

MNY MAI